

08 JAN 1999

Mokhtar-Contoh

WAN MOKHTAR AJAK RAKYAT CONTOHI KESETIAAN RAKYAT IRAQ

KUALA TERENGGANU, 8 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata rakyat di negara ini wajar mencontohi kesetiaan rakyat Iraq yang sentiasa memberi sokongan padu kepada pucuk pimpinannya ketika negara mereka ditekan oleh kuasa luar.

Beliau berkata sikap yang ditunjukkan oleh rakyat Iraq itu terbukti mampu memberi kekuatan kepada negara mereka.

Sehubungan itu beliau meminta rakyat memberikan sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menangani kegawatan politik serta campur tangan asing terhadap negara ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis taklimat Jelajah Mistri Cintai Malaysia 1999 anjuran Pemuda UMNO peringkat negeri di sini semalam yang dihadiri lebih 50 pemimpin pergerakan itu.

Wan Mokhtar juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri berkata, masalah kegawatan yang berlaku di negara ini sekarang banyak berpunca daripada sikap dengki pihak luar terhadap kejayaan dan kecemerlangan yang dikecapi oleh negara di bawah pimpinan Dr Mahathir.

Beliau juga berharap Pergerakan Pemuda UMNO akan meneruskan kempen-kempen yang mampu menyuntik semangat cintakan negara serta menghormati pemimpin di kalangan rakyat.

"Peranan Pemuda UMNO sebagai benteng untuk menangkis setiap serangan pihak luar terhadap kemakmuran negara dan pucuk pimpinan negara...UMNO negeri sentiasa memberikan sokongan terhadap usaha murni pergerakan itu," katanya.

Menurutnya rakyat di negara ini perlu menerima hakikat bahawa kejayaan yang dikecapi negara sekarang adalah hasil usaha barisan kepimpinan negara terutama Dr Mahathir sendiri yang turut membuka mata pemimpin dunia mengenai pelbagai isu peringkat antarabangsa.

"Sebagai rakyat yang patuk kepada Perlembagaan dan semangat patriotisme, mereka tidak seharusnya membiarkan Perdana Menteri keseorangan dalam menghadapi pelbagai tekanan pihak luar, sebaliknya hendaklah memberi sokongan padu jika ingin melihat kejayaan yang ada sekarang berterusan," katanya.

-- BERNAMA

AYB NMO